

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan ramai usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS atau SME) terjejas termasuk sejumlah besar terpaksa gulung tikar dan ramai pekerja-pekerja juga kehilangan pekerjaan susulan pandemik COVID-19, apakah langkah yang lebih berkesan/positif selain daripada bantuan kewangan, akan segera diambil oleh Kerajaan untuk membantu mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) komited dalam usaha untuk membantu usahawan termasuk PKS yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.
2. Berdasarkan statistik Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sehingga September 2020, sebanyak 32,469 syarikat dan perniagaan telah menutup operasi.
3. MEDAC telah menjalankan dua (2) kaji selidik secara dalam talian semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 10 April

hingga 17 April 2020 dan pasca PKP bermula 15 Julai sehingga 17 Ogos 2020. Hasil kaji selidik tersebut mendapati:

- i. 8.85% usahawan telah menutup perniagaan sepenuhnya (gulung tikar) semasa tempoh PKP, manakala jumlah tersebut berkurangan kepada 1.39% semasa pasca PKP; dan
  - ii. 19.11% usahawan telah memberhentikan pekerja dan 22.8% usahawan membuat pemotongan gaji pekerja semasa tempoh PKP, manakala jumlah tersebut berkurangan semasa pasca PKP dimana 11.69% usahawan telah memberhentikan pekerja dan 15.43% membuat pemotongan gaji pekerja.
4. Dalam usaha membantu usahawan menangani impak Covid-19 dan penguatkuasaan PKP, MEDAC telah membangunkan Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi yang menggariskan 6 strategi utama bagi menyokong kestabilan ekosistem keusahawanan, memulihkan operasi perniagaan usahawan dalam tempoh segera dan memastikan usahawan kekal berdaya saing dan mampan. Strategi-strategi yang dirangka adalah seperti yang berikut:

- i. meningkatkan keyakinan rakyat;
- ii. memperkasakan keupayaan dan kapasiti;
- iii. meningkatkan akses dan bantuan pembiayaan;
- iv. meningkatkan penggunaan teknologi;
- v. membuka dan memperluaskan pasaran; dan
- vi. menyampaikan perkhidmatan berkesan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

5. MEDAC turut menyediakan inisiatif latihan dan pembangunan kapasiti kepada usahawan yang terlibat sebagai salah satu langkah yang lebih berkesan atau positif dalam membantu usahawan yang terjejas akibat penularan Covid-19 dan penguatkuasaan PKP.

6. Penyediaan latihan dan pembangunan kapasiti disediakan secara dalam talian dengan memberi fokus kepada adaptasi teknologi dan digitalisasi. Ini selaras dengan pengenalan kepada norma baharu serta galakan kepada usahawan untuk menceburi bidang perniagaan baharu. Ia juga turut disokong dengan insiatif penyediaan program adaptasi teknologi yang memberi peluang kepada usahawan untuk mendigitalisasikan operasi perniagaan yang berdaya saing dan mampan.

Sekian, terima kasih.